



7 November 2017  
7 November 2017  
P.U. (A) 339

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN  
*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERINTAH PERANTI PERUBATAN  
(PERISYTIHARAN) 2017

*MEDICAL DEVICE (DECLARATION) ORDER 2017*

DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA PERANTI PERUBATAN 2012

PERINTAH PERANTI PERUBATAN (PERISYTIHARAN) 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 2 Akta Peranti Perubatan 2012 [Akta 737], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Peranti Perubatan (Perisytiharan) 2017.**  
(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2018.

**Tafsiran**

2. Dalam Perintah ini, "kanta lekap tanpa pembetulan" ertiya kanta lekap yang tidak digunakan untuk membetulkan, memulihkan atau meringankan apa-apa keabnormalan refraktif atau kecacatan optik pada penglihatan.

**Perisytiharan**

3. Menteri mengisyiharkan kanta lekap tanpa pembetulan sebagai suatu peranti perubatan.

**Kecualian dan peralihan**

4. (1) Sesuatu establismen yang telah mengimport, mengeksport atau meletakkan dalam pasaran kanta lekap tanpa pembetulan sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Perintah ini hendaklah, dalam tempoh enam bulan dari tarikh permulaan kuat kuasa Perintah ini, memohon bagi pendaftaran kanta lekap tanpa pembetulan di bawah seksyen 6 Akta dan memohon lesen establismen di bawah seksyen 16 Akta.

- (2) Sesuatu establismen yang membuat suatu permohonan bagi pendaftaran kanta lekap tanpa pembetulan dan lesen establismen di bawah subperenggan (1) boleh terus mengimport, mengeksport atau meletakkan dalam pasaran kanta lekap tanpa pembetulan sementara menunggu keputusan permohonan.